

04/09/1998

Perpaduan BN tidak terjejas

Ahmad Burak; Azian Adnan

KUALA LUMPUR, Khamis - Barisan Nasional (BN) percaya pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan meninggalkan kesan buruk kepada gabungan itu.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata parti komponen faham dan dapat menerima keputusan yang diambil oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

"Pelucutan itu tidak akan meninggalkan kesan buruk kepada BN dan saya percaya komponen BN akan memahami dan dapat menerima keputusan yang diambil oleh Dr Mahathir," katanya.

Beliau memberitahu demikian selepas upacara menandatangani perjanjian Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai hos penyiar Sukan Komanwel XVI di Angkasapuri, di sini hari ini.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata, BN banyak menghadapi dugaan dan cabaran pada masa lalu tetapi ia tidak pernah menjejaskan kedudukan parti.

Contoh, peletakan jawatan Datuk (kini Tan Sri) Musa Hitam juga tidak menjejaskan kestabilan parti.

"Saya fikir amat penting semua ahli komponen bersatu dan mendukung kepemimpinan kerajaan kerana perpaduan amat penting bagi Malaysia menghadapi sebarang dugaan dan cabaran, dalaman atau luaran.

"Keutuhan BN berasaskan perpaduan dan diharapkan perpaduan itu tetap utuh walaupun ada perkara berlaku yang boleh mengejutkan," katanya.

Mohamed yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno mahu semua pihak menunggu penjelasan lanjut daripada tindakan drastik itu.

Sambil meminta semua pihak bersabar, beliau berkata Dr Mahathir tentu mempunyai sebab cukup kuat melakukan tindakan itu.

Mengenai tindakan yang mungkin dilakukan selepas ini, Mohamad berkata Dr Mahathir selaku Pengerusi BN belum mengarahkan Dewan Tertinggi BN mengadakan mesyuarat.

(END)